

Nama :

Tarikh :

Latihan 1 : Pilih respons yang betul bagi soalan bercapah di bawah.

Sumber alam yang perlu kita jaga ialah kawasan pantai, laut, sungai dan hutan.

Kita boleh menjaga sumber-sumber itu dengan tidak membuang sampah di merata-rata tempat.




Kebersihan Alam Tanggungjawab Bersama



Mendengar dan Bertutur

Menjaga Alam



Ayah, semasa di sekolah tadi, Cikgu Fazli menasihati kami agar menjaga alam sekitar.

Tahu, ayah. Jika alam sekitar bersih, kita dapat hidup sejahtera.



Aktiviti

Betul kata Cikgu Fazli. Semua orang mesti menjaga alam sekitar. Tahukah Elis mengapa?

Apakah sumber alam yang perlu kita jaga, Elis?


Bagaimanakah kita menjaga sumber itu?



Memberikan respons terhadap soalan bercapah.



- Bimbing murid mendengar dengan berkesan untuk membuat tafsiran.
- Strategi: KB – Membuat inferens
EMK: Nilai Murni – Rasional
- Pembelajaran Kontekstual –
Menghubungkan



Latihan 2 : Pilih respons yang betul bagi soalan bercapah di bawah. Salin jawapan ini dalam Buku Aktiviti Jilid 2 m/s 31.

KESAN JEREBU

Ya, saya tahu, ayah. Jika kita menyedut udara yang kotor, kesihatan kita akan terganggu kerana udara yang kotor mengandungi bahan kimia yang dilepaskan oleh asap daripada pembakaran.

Jerebu mengganggu keselamatan orang ramai kerana jarak penglihatan akan berkurangan sekiranya jerebu itu tebal dan akibatnya boleh menyebabkan berlakunya kemalangan.



Pembakaran hutan akan menyebabkan pencemaran udara. Asap daripada pembakaran mengotorkan udara dan menyebabkan alam sekitar berjerebu. Kesihatan orang ramai akan terganggu apabila menyedut udara yang kotor. Jarak penglihatan juga berkurangan. Keadaan ini boleh membahayakan pengguna jalan raya.

Ayah: Jerebu menyebabkan udara di sekeliling kita menjadi kotor. Tahukah Dahlia, apakah yang akan berlaku jika kita menyedut udara yang kotor?

Dahlia: _____

Ayah: Jerebu juga mengganggu keselamatan orang ramai. Cuba beritahu ayah sebabnya.

Dahlia: _____



Bimbing murid melengkapi dialog dengan memberikan respons yang sesuai, kemudian minta murid melakukan simulasi.

1.1.3 (i)
BT2: 29

